

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK	Etiqa General Takaful Berhad ("Kami")
Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk menyertai Takaful Infinite PA. Sila pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat.	Takaful Infinite PA Tarikh: <hh/bb/ttt>

1. Apakah produk ini?

Produk ini ialah pelan kemalangan diri yang memberi perlindungan untuk kematian akibat kemalangan, hilang upaya kekal akibat kemalangan, dan manfaat-manfaat lain. Anda juga boleh memilih manfaat pilihan yang tersedia di bawah produk ini.

2. Apakah konsep-konsep Syariah yang digunakan?

Wakalah

Produk ini menggunakan konsep wakalah (perwakilan), di mana para peserta melantik kami untuk bertindak bagi pihak mereka untuk melabur dan menguruskan Dana Takaful Am (Dana). Para peserta juga bersetuju untuk memberikan kuasa kepada kami untuk mewakilkan hak, tanggungjawab dan kewajipan kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang dianggap sesuai oleh kami bagi mencapai objektif untuk melabur dan menguruskan Dana tersebut dengan syarat, bagi perwakilan ini, kami akan tetap bertanggungjawab terhadap semua hak, tanggungjawab dan kewajipan terhadap para peserta. Sebagai ejen, kami berhak menerima fi wakalah sebagai caj perkhidmatan.

Tabarru'

Pelan ini juga menggunakan konsep Tabarru' (sumbangan), di mana para peserta bersetuju untuk menderma atau menyumbang sumbangan mereka kepada Dana bagi tujuan saling membantu dan menolong mana-mana peserta lain yang memerlukan bantuan berdasarkan peristiwa yang telah dipersejuaui terlebih dahulu. Pada akhir setiap tahun kewangan, sebarang lebihan dalam Dana, tolak pembayaran balik defisit bersejarah dan peruntukan luar jangka, dan tertakluk kepada polisi lebihan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah kami, 50% akan dikongsi antara peserta yang sijilnya belum ditamatkan dan yang belum membuat tuntutan dalam tahun kewangan tersebut, dan 50% kepada kami kerana mengendali dan menguruskan Dana, berdasarkan kontrak Ju'alah. Ju'alah ialah kontrak ganjaran yang menentukan pengagihan perkongsian lebihan. Jika lebihan itu kurang daripada RM10.00, lebihan itu akan dimasukkan ke dalam tabung kebajikan yang akan digunakan sebagai 'amal jariah' bagi pihak peserta. Tabung kebajikan akan diagihkan kepada penerima yang layak sebagaimana yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah kami untuk tujuan kebajikan.

3. Apakah perlindungan / manfaat yang diberi?

Perlindungan / manfaat adalah diringkaskan seperti di bawah:

Manfaat	Jumlah Dilindungi (RM) – Setiap Orang			
	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4
1 Kematian Akibat Kemalangan	50,000	150,000	500,000	1,000,000
2 Kematian Akibat Virus Corona, Demam Denggi, Malaria, Ensefalitis Jepun, Sindrom Pernafasan Akut Teruk, Virus Zika atau Chikungunya	5,000	15,000	50,000	100,000
3 Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan – sehingga	50,000	150,000	500,000	1,000,000
4 Indemniti Berganda – sehingga	100,000	300,000	1,000,000	2,000,000
5 Tunai Ihsan	1,000	1,000	1,000	1,000
6 Dana Pendidikan Anak – setiap anak	20,000	20,000	20,000	20,000
7 Tunai Bulanan bagi Hilang Upaya Kekal Menyeluruh – sehingga 5 tahun	2,000	2,000	2,000	2,000
8 Perbelanjaan Perubahan Cara Hidup – sehingga	4,000	6,000	8,000	10,000
9 Baki Tunggakan Pembayaran / Pinjaman – sehingga	20,000	20,000	20,000	20,000
10 Elaun Harian Kemasukan ke Hospital Akibat Kemalangan – sehingga 30 hari	50	100	200	300
11 Elaun Harian Kemasukan ke Hospital Akibat Demam Denggi, Malaria, Ensefalitis Jepun, Sindrom Pernafasan Akut Teruk, Virus Zika atau Chikungunya – sehingga 30 hari	50	50	50	50
12 Perbelanjaan Perubatan Akibat Kemalangan – sehingga	2,000	3,000	4,000	5,000
13 Ragut – sehingga	1,000	1,000	1,000	1,000
14 Lain-lain manfaat:				
	Keganasan dan Rampasan			
	Sehingga 50% Jumlah Pokok Yang Dilindungi untuk Manfaat 1 (Kematian Akibat Kemalangan), Manfaat 3 (Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan) dan Manfaat 4 (Indemniti Berganda)			
Bonus Pembaharuan				

Nota: Manfaat Anak yang Layak – Untuk Manfaat Kematian akibat Kemalangan, Kematian akibat Virus Corona, Demam Denggi, Malaria, Ensefalitis Jepun, Sindrom Pernafasan Akut Teruk, Virus Zika atau Chikungunya, Hilang Upaya Kekal akibat Kemalangan dan Manfaat Indemniti Berganda untuk anak adalah 20% daripada jumlah yang dinyatakan di atas.

Manfaat pilihan dengan sumbangan tambahan:

Manfaat		Jumlah Dilindungi (RM)
1	Kerugian atau Kerosakan Peralatan Sukan – sehingga	3,000
2	Perlindungan Peranti Pintar – sehingga	3,000
3	Manfaat Mingguan untuk Hilang Upaya Menyeluruh Sementara – sehingga 24 minggu	200 seminggu, sehingga 4,800
4	Kehilangan Pendapatan Kerana Pemberhentian Kerja – untuk 3 bulan	500 sebulan
5	Perbelanjaan Perubatan Akibat Demam Denggi, Malaria, Ensefalitis Jepun, Sindrom Pernafasan Akut Teruk, Virus Zika atau Chikungunya – sehingga	2,000
6	Kematian atau Hilang Upaya Akibat Kemalangan Akibat Aktiviti & Sukan Berbahaya - sehingga	50,000
7	Bantuan untuk COVID-19	500

Nota:

1. Manfaat ini tidak terpakai untuk Anak. Tempoh perlindungan adalah satu tahun dan sijil takaful ini diperbaharui secara tahunan. Sumbangan boleh dibayar secara bulanan atau tahunan.
2. Sila rujuk sijil takaful untuk maklumat lanjut mengenai manfaat-manfaat di atas.
3. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

4. Berapakah sumbangan yang perlu saya bayar?

Jumlah sumbangan yang perlu anda bayar adalah berbeza berdasarkan pelan dan jenis skim yang dipilih seperti ditunjukkan di bawah:

Skim	Pelan 1 Sumbangan (RM)		Pelan 2 Sumbangan (RM)		Pelan 3 Sumbangan (RM)		Pelan 4 Sumbangan (RM)	
	Tahunan	Bulanan	Tahunan	Bulanan	Tahunan	Bulanan	Tahunan	Bulanan
Diri Sendiri	218.35	19.75	373.95	33.80	875.10	79.30	1,582.15	143.45
Diri Sendiri dan Pasangan	393.10	35.65	673.30	61.10	1,575.25	142.90	2,847.95	258.20
Diri Sendiri dan Anak	328.10	29.75	550.60	49.85	1,211.10	109.75	2,131.25	193.20
Keluarga	524.55	47.65	887.15	80.40	1,998.70	181.25	3,555.25	322.30

Semua sumbangan (jika terpakai) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkaitan, sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Ia adalah penting untuk anda menyimpan apa-apa resit yang telah anda terima sebagai bukti pembayaran sumbangan.

Nota: Untuk mengetahui sumbangan untuk manfaat pilihan, sila berunding dengan wakil jualan anda untuk maklumat lanjut.

5. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

Jenis	Amaun
Fi Wakalah	45% daripada seumbangan termasuk: <ul style="list-style-type: none"> • 25% komisen dibayar kepada bank • 20% perbelanjaan pengurusan
Cukai Perkhidmatan	8% daripada sumbangan
Duti Setem	RM10.00

6. Apakah terma-terma dan syarat-syarat yang perlu saya ketahui?

Kepentingan pendedahan

- a. Menurut Perenggan 5 Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam borang permohonan (atau semasa memohon takaful ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam borang permohonan ini dengan lengkap.
- b. Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak takaful anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatkan kontrak takaful anda.
- c. Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak takaful anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami.
- d. Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam borang permohonan (atau semasa memohon takaful ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.
- e. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa memohon takaful ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam borang permohonan tidak tepat atau telah berubah.

Kelayakan – Orang yang dilindungi mestilah seorang warganegara Malaysia, penduduk tetap Malaysia atau penduduk yang bekerja secara sah di Malaysia dan/atau pasangannya yang tinggal secara sah di Malaysia, berumur antara enam belas (16) tahun hingga enam puluh lima (65) tahun pada tarikh permulaan sijil dengan pilihan pembaharuan sehingga hari akhir umur tujuh puluh (70) tahun. Anak-anak yang dilindungi mestilah yang belum berkahwin (termasuk anak tiri dan anak angkat yang sah) yang sepenuhnya bergantung kepada orang yang dilindungi untuk mendapatkan sokongan kewangan dan berumur antara empat puluh lima (45) hari hingga enam belas (16) tahun [atau berumur di bawah dua puluh tiga (23) tahun jika masih belajar sepenuh masa di institusi pengajian tinggi yang diiktiraf].

Tunai sebelum perlindungan – Sumbangan perlu dibayar sebelum perlindungan berkuatkuasa.

Tempoh menunggu – Sebarang manfaat yang berkaitan dengan Virus Corona / COVID-19, Demam Denggi, Malaria, Ensefalitis Jepun, Sindrom Pernafasan Akut Teruk, Virus Zika atau Chikungunya yang berlaku/dihadapi/didiagnos dalam tempoh tiga puluh (30) hari pertama dari tarikh takaful berkuat kuasa untuk sijil tahun pertama tidak akan dibayar kecuali untuk kemalangan.

Tempoh bertenang – Anda berhak memulangkan sijil kepada kami bagi pembatalan dengan syarat permohonan bagi pembatalan sedemikian diserahkan oleh anda kepada kami dalam masa lima belas (15) hari dari tarikh penghantaran sijil. Anda berhak untuk mendapatkan pengembalian penuh sumbangan yang dibayar selepas ditolak perbelanjaan perubatan yang ditanggung oleh kami bagi pengeluaran sijil, sekiranya ada.

Tuntutan – Semua tuntutan hendaklah dikemukakan kepada kami dengan kadar segera dan tidak melebihi tiga puluh (30) hari selepas tarikh mana-mana kejadian yang membolehkan anda membuat tuntutan. Sila kemukakan kepada kami semua dokumen yang berkaitan untuk menyokong tuntutan anda. Sebarang dokumen atau bukti yang diperlukan oleh kami untuk mengesahkan tuntutan tersebut perlu dikemukakan kepada kami atas perbelanjaan anda sendiri.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil takaful untuk senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat.

7. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah sijil ini?

- a. Penyakit berjangkit, kecuali yang dilindungi di bawah sijil;
- b. Keadaan sedia ada;
- c. Di bawah pengaruh alkohol atau dadah;
- d. Mencederakan diri sendiri dengan sengaja atau percubaan membunuh diri;
- e. Mengambil bahagian dalam sukan dan aktiviti berbahaya;
- f. Mengambil bahagian dalam penerbangan atau lain-lain kegiatan udara selain daripada sebagai penumpang;
- g. Menyertai pasukan tentera laut, darat, udara, polis, jabatan bomba atau yang lain-lain; atau
- h. Sebarang tindakan perang, mogok, rusuhan atau kekecohan awam, kontaminasi radioaktif atau nuklear dan tindakan pengganas.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil takaful untuk senarai penuh pengecualian.

8. Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Anda boleh membatalkan sijil dengan memberi notis bertulis kepada Kami. Semasa pembatalan, anda akan menerima bayaran balik sebahagian sumbangan dengan syarat anda tidak pernah membuat tuntutan semasa tempoh takaful.

9. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan maklumat perhubungan?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada Kami tentang sebarang perubahan maklumat perhubungan bagi memastikan semua komunikasi sampai kepada anda tepat pada masanya.

10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Etiqa General Takaful Berhad (201701025031)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia)

Aras 13, Menara B, Dataran Maybank

No. 1, Jalan Maarof

59000 Kuala Lumpur, Malaysia.

Nombor Telefon: +603 2297 3888

Nombor Faksimile: +603 2297 3800

E-mel: info@etiqqa.com.my

Laman Web: www.etiqqa.com.my

Pusat Perkhidmatan Kumpulan Maybank: 1300 88 6688

11. Lain-lain jenis perlindungan sama yang boleh didapati

Sila rujuk kepada kami untuk maklumat tentang perlindungan lain yang ditawarkan.

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN MERUJUK SKALA MANFAAT UNTUK KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DI DALAM SIJIL TAKAFUL ANDA. ANDA MESTI MELANTIK PENAMA DAN MEMASTIKAN PENAMA ANDA MENGETAHUI TENTANG SIJIL KEMALANGAN DIRI YANG TELAH ANDA SERTAI. ANDA MESTI MEMBACA, MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN HUBUNGI KAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang disediakan di dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada <hh/bb/tttt>.